



# BINA PURI HOLDINGS BHD

---

## PRESS RELEASE

### Bina puri mahu senarai firma di Thailand

BERITA HARIAN

January 25, 2008

BINA Puri Holding Bhd yang memperoleh satu lagi projek kondominium yang bernilai RM81 juta di Bangkok, merancang menyenaraikan anak syarikatnya di Thailand bagi meluaskan lagi penerokaannya dalam pasaran hartanah serta projek infrastruktur yang kian rancak di negara itu.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Mohamed Feisal Ibrahim, berkata syarikat itu akan melantik penasihat kewangan untuk meneliti syarat penyenaraian termasuk melihat rekod keuntungan dan unjuran pendapatan masa depan anak syarikat berkenaan.

“Jika kami boleh penuhi syarat berkenaan dan menyenaraikan anak syarikat kami di sini, kami boleh memasuki pasaran modal bagi memudahkan peluasan aktiviti dalam sektor pembinaan dan pembangunan hartanah,” katanya selepas majlis penyerahan fasa pertama projek perumahan kos rendah Bang Plee kepada Lembaga Perumahan Nasional (NHA) di Samut Prakarn, Thailand, semalam.

Bina Puri bersama rakan usaha samanya Deva Property Pcl Thailand, menyiapkan fasa pertama itu yang terdiri daripada 22 blok dengan 1,052 unit.

Pakej Bang Plee, bernilai RM236.88 juta, membabitkan tiga fasa 118 blok (5,640 unit), manakala selebihnya diserahkan pada Mac dan April ini.

Mohamed Feisal berkata, NHA telah memberikan Bina Puri dan Deva Property sejumlah 37,447 unit dengan kontrak bernilai RM1.484 bilion. - Bernama

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor  
Corp Communications Dept  
**BINA PURI HOLDINGS BHD**  
Tel : 03-6136 3333 (3005)  
Fax : 03-6136 9999  
E-mail : [surati@binapuri.com.my](mailto:surati@binapuri.com.my)